

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 09 JUN 2017 (JUMAAT )

## Diskaun 50 peratus sepanjang Ramadan *Sjorken a/6/ku7*

**SHAH ALAM** - Orang Kena Kampaun (OKK) berpeluang menikmati diskaun 50 peratus sempena Kempen Pengurangan Kampaun Siri 2/2017 sepanjang Ramadan ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, kempen itu bermula 27 Mei, hingga 30 Jun itu menawarkan separuh daripada bayaran sebenar kampaun dikenakan.

Katanya, ia bagi menggalakan OKK menyelesaikan tunggakan kampaun sebelum tindakan tegas dikenakan.

"Orang ramai dinasihatkan menyege-

rakan bayaran kampaun tertunggak sebelum tindakan lebih drastik diambil ke atas OKK seperti sekatan urusan di kaunter MBSA," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, MBSA turut menawarkan pengurangan RM30 bagi kampaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MBSA.

Katanya, orang ramai boleh membuat pembayaran kampaun di Kaunter Utama, Wisma MBSA, Pejabat Cawangan Sungai Buloh, Kota Kemuning, Setia Alam atau Pejabat Bergerak Shah Alam On Wheel (SAOW), setiap Sabtu.

